

Gerak operasi hadapi banjir

DBKL bentuk jawatankuasa pelbagai agensi bantu mangsa bah

KUALA LUMPUR: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membentuk Jawatankuasa Bantuan Bencana Alam, yang turut dianggotai pelbagai agensi, sebagai persiapan menghadapi kemungkinan banjir di ibu negara.

Timbalan Ketua Pengarah DBKL, Datuk Mohd Amin Nordin Abdul Aziz berkata, jawatankuasa itu dianggotai Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Tenaga

Nasional Berhad (TNB), Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM) serta Alam Flora Sdn Bhd.

"Bilik gerakan jawatankuasa ini, yang berkuat kuasa bulan ini, diselia Jabatan Penguatkuasaan DBKL yang berpusat di Jalan Tun Razak dan menjalankan operasi membantu mangsa banjir," katanya semalam.

Mohd Amin yakin Kuala Lumpur tidak mengalami banjir besar seperti di Thailand, Myanmar dan Kemboja. Bagaimanapun, DBKL sudah membuat persediaan termasuk penyelamat dari-

pada 40 anggota penyelamat, 40 anggota trafik dan 48 anggota skuad kecemasan.

"Anggota penyelamat DBKL sudah menjalani latihan di Singapura di Belanda, selain kepakaran paramedik di Kanada.

Beliau berkata, anggota trafik ditugaskan meninjau keadaan dari semasa ke semasa manakala skuad kecemasan mencantas pokok tumbang dan kerja pemberihan.

"Sebanyak 80 kenderaan pelbagai jenis termasuk bot, sampan dan lori serta 14

dewan DBKL dan 21 sekolah yang boleh menampung 12,000 disediakan untuk operasi itu," katanya.

Mohd Amin berkata, selain itu, Syarikat Mengurus Air Banjir dan Terowong Sdn Bhd (Smart) membantu menghalang banjir di ibu negara.

"Langkah melencongkan air hujan ke terowong Smart dapat menghalang banjir ke pusat bandar," katanya.

Beliau berkata, DBKL meletakkan papan tanda amaran banjir di beberapa tempat termasuk Kampung Baru. - Bernama